



18 November 2020
18 November 2020
P.U. (A) 327

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA (MANFAAT DILINDUNGI) 2020

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(PROTECTED BENEFITS) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(MANFAAT DILINDUNGI) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(2) dan 209(1) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Manfaat Dilindungi) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“polisi berkaitan pelaburan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

“polisi Malaysia” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

“sijil takaful berkaitan pelaburan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]; dan

“sijil takaful Malaysia” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Manfaat dilindungi di bawah sijil takaful keluarga, polisi hayat, sijil takaful am atau polisi am

3. (1) Tertakluk kepada Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Had Manfaat Dilindungi) 2020 [*P.U. (A) 326/2020*], Perbadanan hendaklah melindungi jenis manfaat takaful atau manfaat insurans yang dinyatakan dalam Jadual di bawah sijil takaful keluarga, polisi hayat, sijil takaful am atau polisi am, termasuk sijil takaful berkaitan pelaburan, polisi berkaitan pelaburan, sijil anuiti dan polisi anuiti.

(2) Seseorang pemunya sijil atau polisi boleh menuntut perlindungan berkenaan dengan mana-mana manfaat takaful atau manfaat insurans yang dinyatakan dalam Jadual jika—

- (a) sijil atau polisi itu dikeluarkan di Malaysia oleh anggota penanggung insurans;
- (b) sijil atau polisi itu dilaporkan oleh anggota penanggung insurans kepada Bank Negara Malaysia sebagai suatu sijil takaful Malaysia atau polisi Malaysia; dan
- (c) sijil atau polisi itu dalam denominasi ringgit.

(3) Manfaat yang kena dibayar daripada bahagian unit suatu sijil takaful berkaitan pelaburan atau polisi berkaitan pelaburan seperti yang berikut tidak termasuk dalam sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans:

- (a) kematangan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kematangan;
- (b) serahan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada serahan; dan
- (c) pendapatan.

Pembatalan

4. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Manfaat Dilindungi) 2011 [*P.U. (A) 31/2011*] dibatalkan.

JADUAL
[Peraturan 3]

Jenis Manfaat Takaful atau Manfaat Insurans

1. Kematian dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kematian
2. Ketidakupayaan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada ketidakupayaan
3. Penyakit dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada penyakit
4. Kematangan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kematangan
5. Serahan dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada serahan
6. Pendapatan
7. Penjagaan kesihatan
8. Kerugian kewangan
9. Nilai sijil takaful keluarga itu atau nilai polisi hayat itu
10. Sumbangan atau premium prabayar boleh dibayar balik
11. Kehilangan atau kerosakan pada harta dan kerugian berbangkit

12. Kehilangan atau kerosakan pada harta mana-mana pihak ketiga dan kerugian berbangkit
13. Kematian mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kematian
14. Ketidakupayaan mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada ketidakupayaan
15. Penyakit mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada penyakit
16. Kecederaan mana-mana pihak ketiga dan manfaat berkaitan yang berbangkit daripada kecederaan
17. Penjagaan kesihatan mana-mana pihak ketiga
18. Kerugian kewangan mana-mana pihak ketiga

Dibuat 10 November 2020
[PIDM/PN/10/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 12 November 2020
[MOF.SID(S)700-1/2/22; PN(PU2)689/VI]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4)
Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]*

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (PROTECTED BENEFITS)
REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsections 69(2) and 209(1) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Protected Benefits) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2021.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“investment-linked policy” has the same meaning as defined under the Financial Services Act 2013 [*Act 758*];

“Malaysian policy” has the same meaning as defined under the Financial Services Act 2013;

“investment-linked takaful certificate” has the same meaning as defined under the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*]; and

“Malaysian takaful certificate” has the same meaning as defined under the Islamic Financial Services Act 2013.

Protected benefits under family takaful certificates, life policies, general takaful certificates or general policies

3. (1) Subject to the Malaysia Deposit Insurance Corporation (Protected Benefits Limit) Order 2020 [*P.U. (A) 326/2020*], the Corporation shall protect the types of takaful or insurance benefits that are specified in the Schedule under family takaful certificates, life policies, general takaful certificates or general policies, including investment-linked takaful certificates, investment-linked policies, annuity certificates and annuity policies.

(2) A certificate or policy owner may claim protection in respect of any of the takaful or insurance benefits specified in the Schedule if—

- (a) the certificate or policy is issued in Malaysia by an insurer member;
- (b) the certificate or policy is reported by the insurer member to Bank Negara Malaysia as a Malaysian takaful certificate or Malaysian policy; and
- (c) the certificate or policy is denominated in ringgit.

(3) The benefits payable from the unit portion of an investment-linked takaful certificate or investment-linked policy as follows shall be excluded from the takaful and insurance benefits protection system:

- (a) maturity and related benefits arising from maturity;
- (b) surrender and related benefits arising from surrender; and
- (c) income.

Revocation

4. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Protected Benefits) Regulations 2011 [*P.U. (A) 31/2011*] is revoked.

SCHEDULE
[Regulation 3]

Types of Takaful or Insurance Benefits

1. Death and related benefits arising from death
2. Disability and related benefits arising from disability
3. Illness and related benefits arising from illness
4. Maturity and related benefits arising from maturity
5. Surrender and related benefits arising from surrender
6. Income
7. Healthcare
8. Pecuniary loss
9. Value of that family takaful certificate or value of that life policy
10. Refundable prepaid contribution or premium
11. Loss of or damage to property and consequential loss
12. Loss of or damage to property of any third party and consequential loss
13. Death of any third party and related benefits arising from death
14. Disability of any third party and related benefits arising from disability

15. Illness of any third party and related benefits arising from illness
16. Injury of any third party and related benefits arising from injury
17. Healthcare of any third party
18. Pecuniary loss of any third party

Made 10 November 2020
[PIDM/PN/10/2020; PN(PU2)689/VI]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Approved 12 November 2020
[MOF.SID(S)700-1/2/22; PN(PU2)689/VI]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4)
of the Malaysian Deposit Insurance Corporation Act 2011]*